

Lelaki salah guna dadah dipenjara tiga bulan

MIRI: Padah menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara tiga bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan pihak polis selama dua tahun di bawah Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Tertuduh, Joeliry Ngelambong, 31, didapati menggunakan dadah berbahaya jenis 11-nor-delta-9tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid (THC), dengan memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Di didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7 malam, 13 Januari lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah

Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana di-

takrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.